

151

SOALAN NO: 62

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. MOHD. HATTA MD. RAMLI NAIDU  
KAWASAN : KUALA KRAI  
TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB DR. MOHD. HATTA MD. RAMLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pencapaian pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu - Kuala Krai dan tarikh jangkaan siap sepenuhnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan jajaran dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 61.36km secara berperingkat bermula RMKe-10. Selaras dengan keperluan trafik semasa, pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan tiga (3) kontrak pembinaan iaitu:

1. Skop utama Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok sepanjang 7km yang bermula April 2014 telah pun siap pada 22 Februari 2018. Walau bagaimanapun, Kementerian telah memohon untuk pelaksanaan skop tambahan iaitu jalan susur keluar masuk Pakej 1B di Jalan Perol yang kini dalam peringkat pertimbangan Kementerian Kewangan. Sekiranya diluluskan, tempoh siap akan dilanjutkan dan pembinaan tersebut dijangka mengambil masa 4 hingga 5 bulan.
2. Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh sepanjang 6.85km yang bermula pada April 2015 dan dijadualkan siap pada November 2018.
3. Pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2km telah bermula pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020.

(53)

Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.